

# 18 muka baru di Terengganu

19 NOV 1999

Oleh AMIR SARIFUDIN  
dan MUHAMED SAID

**K**UALA TERENGGANU 18 Nov. — Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini mengesahkan beliau akan bertanding mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Cukai pada pilihan raya umum ke-10 ini.

Dengan pengumuman itu, beliau sekali lagi mengetuai kepimpinan calon-calon Barisan Nasional (BN) negeri kali ini yang turut menyenaraikan 18 muka baru antaranya terdiri daripada ahli-ahli pergerakan Pemuda Bahagian.

Antara muka-muka baru itu ialah Nawawi Mohamad yang akan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri Hulu Besut, Ramlan Ali (Jabi), Asha'ari Idris (Langkap), Datuk Ismail @ Mansor Said (Batu Rakit), Senator Hassan Ali (Tepoh), Mohamad Ngah (Teluk Pasu), Nasir Tan Sri Ibrahim (Bukit Tunggal) dan Mohamad Ngah (Wakaf Mempelam).

Mohd. Jusoh (Batu Buruk), Alias Abdullah (Alur Limbat), Tengku Zainuddin Tengku Zahid (Ru Rendang), Latef Mohd. Noor (Pengkalan Berangan), Shamsuddin Sulong (Manir), Abdullah Ismail (Kuala Berang), Abdul Rosol Wahid (Ajil), Za'aba Mohd. Adib (Sura), Senator Rosli Mat Hassan (Paka) dan Datuk Wan Zaki Wan Muda (Parlimen Kemaman)

Pada masa yang sama sepuluh orang muka lama telah digugurkan iaitu Tuan Yaakub Abdul Kadir (Hulu Besut), Datuk Mamat Ghazalee Abdul Rahman (Langkap), Mohd. Lukman Muda (Jabi), Dr. Abdul Wahab Ngah (Batu Rakit), Mohamad Abu Bakar (Bukit Tunggal), Harun Hassan (Air Putih), Ibrahim Yusof (Kuala Berang), Datuk Syed Omar Mohamad (Paka), Mokhtaruddin Wan Yusof (Parlimen Dungun) dan Mustaffa Muda (Parlimen Hulu Terengganu).

Manakala mereka yang bertukar kawasan ialah Datuk Dr. Yusof Noor dari Kampung Raja ke Parlimen Besut dan tempat beliau diganti oleh Datuk Idris Jusoh yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan.

Turut bertukar kawasan ialah wakil Pengkalan

Berangan, Datuk Muda Mamat yang beralih ke Parlimen Marang dan tempat beliau diambil oleh muka baru, Latef Mohd. Noor.

Bagi kawasan Hulu Terengganu, Othman Daud (Ajil) beralih ke kerusi Parlimen dan tempatnya diambil oleh muka baru Abdul Rosol Wahid.

Di Dungun, Datuk Ibrahim Awang (Sura) beralih ke kerusi Parlimen dan tempatnya diganti oleh Za'aba Mohd. Adib, seorang muka baru.

Bagi Kemaman, ahli Parlimennya Dr. Ramli Taib beralih ke Air Putih dan tempat beliau diganti oleh Datuk Wan Zaki Wan Muda, seorang muka baru.

Ketika ditanya mengenai kedudukan calon-calon termasuk diri beliau sendiri, Wan Mokhtar berkata, pemilihan tersebut mengambil kira pelu-

ang untuk BN memenangi majoriti dua pertiga kerusi.

"Kita pilih calon untuk menyelamatkan... supaya BN menang pilihan raya.

"Semua senarai calon ini telah ditapis dan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Setelah diproses maka hari ini saya umumkan nama-nama calon bagi negeri Terengganu," katanya pada sidang akhbar di Seri Iman di sini hari ini.

Menjawab satu pertanyaan mengenai kedudukan mereka yang digugurkan kali ini, Wan Mokhtar berkata, bekas wakil-wakil rakyat itu telah menyatakan kesanggupan untuk memberi sokongan padu kepada bakal-bakal calon.

Beliau berkata, mereka juga akan memberi kerjasama untuk memastikan kemenangan setiap calon BN Terengganu.

"Mereka telah berikrar untuk bekerja untuk orang lain kerana sebelum ini pun orang lain telah membantu mereka memenangi pilihan raya lalu," katanya.

Wan Mokhtar juga menyatakan keyakinan bahawa gabungan muka lama dan baru yang disenaraikan kali ini mampu membolehkan BN memperoleh majoriti kerusi dua pertiga pada pilihan raya kali ini.